



# IKHLAS PREFERRED TERM TAKAFUL

## Melindungi saat-saat berharga anda dengan Ikhlas



Diuruskan oleh: Takaful Ikhlas Family Berhad |200201025412| (593075-U)

Manfaat-manfaat yang layak dibayar di bawah Sijil Takaful ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga hadnya.  
Sila rujuk Risalah TIPS PIDM atau hubungi **Takaful Ikhlas Family Berhad** atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).



## BERSEDIALAH UNTUK MASA HADAPAN YANG DI LUAR JANGKAAN

Kehidupan ini dipenuhi dengan pelbagai peristiwa. Ia bergantung kepada cara kita memanfaatkannya. *IKHLAS PREFERRED TERM TAKAFUL* adalah pelan Takaful keluarga dengan Sumbangan Takaful secara berkala yang menawarkan perlindungan yang diperlukan yang akan membantu Orang Yang Dilindungi bersedia untuk ketidakpastian.

Alami ketenangan minda serta pengertian kehidupan yang sejati dengan *IKHLAS PREFERRED TERM TAKAFUL*.

### Apakah manfaat-manfaat yang akan saya terima dari *IKHLAS Preferred Term Takaful*?

*IKHLAS Preferred Term Takaful* adalah pelan sumbangan berkala Takaful Keluarga yang menawarkan manfaat-manfaat Takaful seperti berikut:

#### 1. Manfaat Kematian

Sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia secara semulajadi atau akibat kemalangan semasa Sijil Takaful masih berkuat kuasa, 100% daripada Amaun Perlindungan asas akan dibayar kepada Peserta Takaful atau orang tersayang (penama atau waris terdekat).

#### 2. Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)

Sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami HUMK secara semulajadi atau akibat kemalangan semasa Sijil Takaful masih berkuat kuasa, 100% daripada Amaun Perlindungan asas akan dibayar kepada Peserta Takaful. Manfaat HUMK dibayar sehingga Orang Yang Dilindungi mencapai umur penamatian 70 tahun pada hari jadi yang akan datang.

#### 3. Manfaat Penyakit Kritikal

Sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami Penyakit Kritikal semasa Sijil Takaful masih berkuat kuasa, 100% daripada Amaun Perlindungan asas akan dibayar kepada Peserta Takaful.

#### 4. Had Tanpa Pemeriksaan Perubatan

Orang Yang Dilindungi yang berumur empat puluh lima (45) tahun dan ke bawah adalah berhak kepada Had Tanpa Pemeriksaan Perubatan, tertakluk kepada Perlindungan Takaful maksimum sehingga RM 1,000,000 dengan syarat Orang Yang Dilindungi mempunyai tahap kesihatan yang baik.

#### 5. Manfaat Matang/ Serahan Sijil Takaful

Sijil Takaful tidak mempunyai sebarang nilai apabila mencapai tempoh matang atau apabila serahan dilakukan.

#### Nota:

Manfaat-manfaat Kematian/HUMK/Penyakit Kritikal adalah dijamin oleh Dana Risiko. Sijil Takaful akan ditamatkan serta-merta selepas sebarang tuntutan dibayar sepenuhnya.

### Siapakah yang layak untuk menyertai *IKHLAS Preferred Term Takaful*?

Anda layak untuk menyertai pelan ini sekiranya anda berusia antara 17 hingga 75 tahun (untuk perlindungan Kematian dan Penyakit Kritikal) atau sehingga 65 tahun (untuk perlindungan HUMK), pada hari jadi anda yang akan datang.

### Berapa lamakah saya akan dilindungi?

Bergantung kepada tempoh perlindungan yang dipilih, tertakluk sehingga umur 80 tahun (untuk Kematian/Penyakit Kritikal) & 70 tahun (untuk HUMK).

### Berapakah Had Amaun Perlindungan di bawah *IKHLAS Preferred Term Takaful*?

Minima	: RM500,000
Maksimum	: Tertakluk kepada penguderaitan

Anda bukan sahaja boleh memilih pelan yang anda inginkan, tetapi anda juga boleh memilih tempoh perlindungan sama ada:

- (i) 5 tahun; atau
- (ii) 10 tahun; atau
- (iii) 20 tahun

#### Nota:

1. Pada tarikh matang, Sijil Takaful ini boleh diperbaharui untuk tempoh perlindungan yang sama dengan tempoh perlindungan asal Sijil Takaful. Pertukaran tempoh perlindungan adalah tidak dibenarkan. Sumbangan Takaful yang baru akan ditentukan oleh pihak Syarikat semasa tarikh pembaharuan dan ianya adalah tidak sama dengan Sumbangan Takaful yang asal.

2. Tempoh pembaharuan automatik yang dibenarkan adalah tertakluk kepada umur Orang Yang Dilindungi belum mencapai umur maksimum lapan puluh (80) tahun. Jika umur semasa pembaharuan ditambah tempoh pembaharuan melebihi umur lapan puluh (80) tahun, Sijil Takaful tidak akan diperbaharui.

3. Jumlah maksimum perlindungan HUMK boleh dibayar daripada semua Sijil Takaful yang diluluskan oleh Syarikat ke atas diri Orang Yang Dilindungi haruslah tidak melebihi keseluruhan amua RM2,000,000.

4. Jumlah maksimum perlindungan Penyakit Kritikal boleh dibayar daripada semua Sijil Takaful yang diluluskan oleh Syarikat ke atas diri Orang Yang Dilindungi haruslah tidak melebihi keseluruhan amua RM1,500,000.

## Berapakah jumlah yang perlu saya sumbangkan?

Jumlah Kasar Sumbangan Takaful Tahunan adalah berbeza bergantung kepada keperluan pengunderitan, umur, tempoh dan Amaun Perlindungan yang dipohon. Beberapa sampel ditunjukkan di dalam jadual di bawah:

Umur	Kadar Sumbangan Takaful Tahunan		
	(RM500,000 Amaun Perlindungan)		
	Tempoh = 5 Tahun	Tempoh = 10 Tahun	Tempoh = 20 Tahun
20	1,319	1,331	1,515
30	1,452	1,631	2,597
40	3,247	4,190	6,103
50	7,765	9,215	13,850

### Nota:

Kadar tersebut adalah dengan andaian bahawa Orang Yang Dilindungi yang dicadangkan adalah lelaki dan tiada masalah perubatan kesihatan, risiko pekerjaan atau tabiat yang mungkin memerlukan Sumbangan Takaful tambahan.

Anda juga boleh memilih untuk membuat sumbangan secara bulanan, suku tahunan, setengah tahun atau sumbangan tahunan.

## SOALAN-SOALAN LAZIM

Apakah konsep Syariah yang diguna pakai di bawah pelan ini?

(i) **Ta bar r u'**

Bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, *Tabarru'* akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.

(ii) **Wakahal**

Bermaksud kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful dan yuran Wakalah (*Ujrah*) yang dibayar kepada pihak Syarikat.

Apakah dana yang terlibat di dalam *IKHLAS Preferred Term Takaful*?

Dana Risiko adalah dana terkumpul, berdasarkan konsep *tabarru'* (derma) dengan memberikan perlindungan bersama dan membayar ganti rugi di kalangan Peserta-peserta Takaful.

Apakah jenis-jenis Penyakit Kritikal yang dilindungi di bawah pelan ini?

Kami melindungi 36 jenis Penyakit Kritikal di bawah pelan ini dan senarainya adalah seperti berikut:

Senarai 36 Jenis Penyakit Kritikal			
1	Strok/Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan	13	Buta – Kekal dan Tidak boleh Pulih
2	Serangan Jantung – keterangan tertentu	14	Pekak – Kekal dan Tidak boleh pulih
3	Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang	15	Kelecuran Tahap Ketiga – keterangan tertentu
4	Kanser – keterangan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal	16	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
5	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	17	Penyakit Paru-paru Tahap Akhir
6	Penyakit Arteri Koronari Serius	18	Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
7	Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari	19	Transplan Organ Utama/ Sumsum Tulang
8	Kegagalan Hati Tahap Akhir	20	Hilang Keupayaan Bertutur
9	Hepatitis Viral Fulminan	21	Pembedahan Otak
10	Koma – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan	22	Pembedahan Injap Jantung
11	Tumor Otak Benign – keterangan tertentu	23	Kehilangan upaya hidup sendiri (berdikari)
12	Kelumpuhan Anggota	24	Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian

25	Trauma Kepala Major (teruk) – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	31	Pembedahan Aorta
26	Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang	32	Sklerosis Multipel
27	Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan	33	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer-keterukan tertentu
28	Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	34	Penyakit Sistik Medular
29	Penyakit Alzheimer/ Demensia Teruk	35	Kardiomiopati – keterukan tertentu
30	Distrofi Otot	36	Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk

Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang dikenakan untuk IKHLAS Preferred Term Takaful?

(i) Yuran Wakalah

Tahun	1	2	3	4	5	6	7 dan ke atas
Yuran Wakalah	90%	80%	61%	60%	45%	45%	35%

Nota: Jika tempoh perlindungan kurang dari 20 tahun, Yuran Wakalah di atas akan dikurangkan pada kadar yang lebih rendah.

(ii) Caj-caj lain

Caj-caj	Penerangan
Caj Tabarru' (Derma)	Sumbangan Takaful bersih selepas ditolak Yuran Wakalah akan ditempatkan di dalam Dana Risiko sebagai caj Tabarru'. Butir-butir caj Tabarru' ini boleh didapati di dalam Sijil Takaful. Caj Tabarru' tambahan mungkin dikenakan sekiranya pihak Syarikat memutuskan untuk menerima Orang Yang Dilindungi yang tidak sihat.

Caj Penguatkuasaan Semula Duti Setem	RM15. Yuran ini mungkin tertakluk kepada sebarang cukai, levi atau caj yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia pada kadar semasa kecuali dinyatakan sebaliknya.
	Duti Setem sebanyak RM10 akan dikenakan, tambahan ke atas Sumbangan Takaful pertama untuk setiap Sijil Takaful.

Apakah PENGECUALIAN-PENGECUALIAN di bawah pelan ini?

a. Pengecualian-pengecualian bagi Kematian

Kami tidak melindungi kematian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhannya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu daripada kejadian yang berikut:

1. Membunuh diri; atau
2. Meninggal dunia akibat Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) atau lain-lain penyakit kelamin; atau
3. Di bawah pengaruh alkohol atau dadah selain dari yang mengikut arahan seorang pengamal perubatan berdaftar.
- b. Manfaat Takaful tidak dibayar untuk HUMK yang berlaku secara langsung atau tidak langsung dari mana-mana sebab berikut:
  1. Percubaan untuk memudaratkan diri sendiri dengan sengaja ketika siuman atau tidak siuman; atau
  2. Peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, perseteruan ataupun operasi seperti peperangan (sama ada diisyithar atau tidak) atau perang saudara; atau
  3. Pemberontakan, rusuhan, pemberontakan tentera atau orang awam, insureksi, penentangan, revolusi, perintah berkurung atau darurat atau apa-apa jua peristiwa ataupun penyebab yang boleh menentukan pengisytiharan ataupun penyelenggaraan perintah berkurung ataupun darurat; atau
  4. Sebarang kegiatan keganasan. Untuk tujuan ini kegiatan keganasan bermaksud perlakuan atau perbuatan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada penggunaan sebarang kuasa atau kekerasan atau kekejaman dan/atau ancaman dari situ, oleh mana-mana orang perseorangan atau berkumpulan, sama ada bertindak secara persendirian atau bersandarkan perhubungan dengan mana-mana organisasi atau organisasi-organisasi atau kerajaan-kerajaan, melakukannya di atas sebab-sebab politik, keagamaan, ideologi atau sebarang niat mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan / atau menyebabkan pihak awam, atau sebahagian darinya berada di dalam ketakutan; atau
  5. Disebabkan oleh atau lanjutan daripada bunuh diri atau cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau dadah atau ketidaksiuman atau disebabkan oleh penyakit kelamin; atau

6. Hilang upaya yang ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi apabila melibatkan diri, mengendalikan atau melakukan servis, menaiki atau menuruni daripada atau dengan sebarang alat penerbangan atau kenderaan termasuk terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, peluncuran gantung atau belon udara kecuali apabila Pesera Takaful berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan; atau
  7. Hilang upaya bermula sebelum penerimaan perlindungan; atau
  8. Sebarang ketidakpatuhan undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi atau kesalahan yang dicetuskan olehnya; atau
  9. Terlibat dalam sebarang aktiviti dalam air yang menggunakan alat pernafasan tiruan; atau
  10. Kecederaan yang disebabkan oleh pembelahan nuklear, percantuman nuklear, alat senjata nuklear atau pencemaran radioaktif; atau
  11. HIV atau Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) dan sebarang keadaan yang berkaitan dengan AIDS; atau
  12. Keadaan sedia ada.
- c. Manfaat Takaful tidak dibayar untuk Penyakit Kritis yang berlaku secara langsung atau tidak langsung dari mana-mana sebab berikut:
1. Sebarang keadaan sedia wujud sebelum penerimaan perlindungan:

"Keadaan Sedia-wujud" bermaksud ketidakupayaan Orang Yang Dilindungi yang diketahui sewajarnya terhadap penyakit yang sedia ada. Orang Yang Dilindungi adalah dianggap mengetahui sewajarnya keadaan sedia ada tersebut yang mana salah satu keadaan adalah:

- Orang Yang Dilindungi telah atau sedang menerima rawatan;
  - Nasihat perubatan, diagnosis atau rawatan telah disyorkan;
  - Gejala yang jelas dan tepat yang dapat atau telah dilihat dengan nyata, atau
  - Kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang yang mengalami keadaan tersebut.
2. Jika penyakit tersebut didiagnosis dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Sijil Takaful dikeluarkan atau penguatkuasaan semula, yang mana terkemudian, kecuali sebab-sebab yang tidak disengajakan.

#### Nota:

*Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh pengecualian-pengecualian.*

## Mengapa Takaful Ikhlas Family Berhad?

Takaful Ikhlas Family Berhad didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Operasi perniagaan dan pengurusan kami adalah berlandaskan kepada prinsip Syariah. Kami memberi keutamaan dalam memastikan kesemua urusan perniagaan kami adalah berdasarkan kesaksamaan dan keadilan kerana kami berpegang kepada falsafah "kemudahan berurus" dengan semua rakan perniagaan kami terutamanya – Pelanggan kami.

Sejak dengan perkembangan perkhidmatan perlindungan kewangan Islam di peringkat antarabangsa dan tempatan, pihak Syarikat telah memilih kontrak Wakalah sebagai model dalam membentuk asas operasi kami. Wakalah adalah satu bentuk hubungan perwakilan di antara pihak Syarikat dan Peserta Takaful.

## Apakah maklumat penting yang anda perlu berikan perhatian?

1. Brosur ini adalah sebagai maklumat umum sahaja. Ini bukan kontrak Takaful. Syarat-syarat yang dinyatakan adalah tidak menyeluruh dan tidak lengkap. Anda perlu merujuk kepada Helaian Keterangan Produk (PDS) dan Ilustrasi Manfaat bagi mendapatkan maklumat lanjut, di mana anda boleh mendapatkan kedua-duanya dari ejen Takaful yang memberi perkhidmatan kepada anda. Anda juga perlu mempertimbangkan yuran-yuran dan caj-caj yang terlibat.
2. Pihak Syarikat berhak menyemak semula kadar, yuran dan caj, manfaat, tempoh dan syarat. Peserta Takaful akan dimaklumkan mengenai semakan semula ini secara bertulis.
3. Peserta Takaful perlu berpuas hati bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan Sumbangan Takaful yang dibayar di bawah pelan ini adalah jumlah yang anda mampu bayar.
4. Peserta Takaful diberi Tempoh Bertenang selama lima belas (15) hari selepas menerima Sijil Takaful untuk memastikan keperluan menyertai pelan ini. Peserta Takaful boleh memilih untuk membatalkan Sijil Takaful dengan memulangkan Sijil Takaful kepada pihak Syarikat dalam Tempoh Bertenang. Pihak Syarikat akan membatalkan serta-merta selepas penerimaannya dan akan memulangkan Sumbangan Takaful yang telah dibayar ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang dibuat (sekiranya ada).
5. Selepas bayaran Sumbangan Takaful pertama, kegagalan pembayaran Sumbangan Takaful seterusnya kepada pihak Syarikat pada tarikh akhir dalam tempoh ehsan akan dianggap sebagai tertunggak.
6. Sekiranya tiada Sumbangan Takaful selepas tamat tempoh ehsan, Sijil Takaful akan lupus dan tidak mempunyai nilai.
7. Sekiranya Sijil Takaful luput, penguatkuasaan semula adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak Syarikat.

8. Sijil Takaful ini tidak menyediakan sebarang amaun manfaat dari Dana Risiko seandainya berlaku pembatalan, matang, serahan atau tamat tempoh kepada Sijil Takaful.
9. Jumlah yang akan dikecualikan daripada cukai pendapatan untuk Sumbangan Takaful dan Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) adalah sehingga RM6,000. Walau bagaimanapun ia adalah tertakluk kepada persetujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
10. Pihak Syarikat berhak menolak sebarang tuntutan sekiranya Peserta Takaful gagal memberi maklumat-maklumat yang relevan yang akan memberi kesan kepada pihak Syarikat untuk membuat keputusan untuk menerima ataupun menolak sebarang risiko yang dicadangkan dan juga Sumbangan Takaful dan terma-terma yang sepautnya dikenakan ke atas Peserta Takaful.
11. Untuk maklumat lanjut, anda boleh merujuk kepada buku panduan *info insurans* mengenai 'Takaful Keluarga', yang disediakan di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan salinan dari Ejen Takaful atau melayari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

#### Penafian:

Risalah ini adalah untuk maklumat am sahaja. Ia bukanlah satu kontrak Takaful. Syarat-syarat yang dinyatakan adalah tidak terperinci. Sila rujuk kepada kontrak Sijil Takaful bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai ciri-ciri penting di dalam Sijil Takaful.

**Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami di:

**TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD (593075-U)**

(Dahulu dikenali sebagai Takaful Ikhlas Berhad)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

IKHLAS Point

Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South  
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur

Tel: 03-27239696 Faks: 03-27239998

Laman sesawang: [www.takaful-ikhlas.com.my](http://www.takaful-ikhlas.com.my)

Emel: [ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my](mailto:ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my)